



PERBADANAN MUZIUUM NEGERI KELANTAN

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkeelayakan dan berumur 18 tahun dan tidak lebih dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan yang berkeelayakan dan keutamaan diberi kepada rakyat Negeri Kelantan untuk mengisi jawatan berikut :-

BIL.	JAWATAN	GRED	SYARAT KELAYAKAN
1	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (1 KEKOSONGAN) – <i>TETAP</i>	N5	STPM/DIPLOMA/SETARAF KEPUJIAN BAHASA MELAYU
2	PEREKA (1 KEKOSONGAN) – <i>KONTRAK</i>	B1	SPM/SIJIL/SETARAF KEPUJIAN BAHASA MELAYU
3	PEMANDU KENDERAAN (2 KEKOSONGAN) – <i>KONTRAK</i>	H1	SPM/SIJIL/SETARAF KEPUJIAN BAHASA MELAYU
4	PEMBANTU KHIDMAT AM (2 KEKOSONGAN) – <i>KONTRAK</i>	H1	SPM/SIJIL/SETARAF KEPUJIAN BAHASA MELAYU
5	PEMBANTU KHIDMAT AM (Galeri Arkeologi Dabong) (2 KEKOSONGAN) – <i>KONTRAK</i>	H1	SPM/SIJIL/SETARAF KEPUJIAN BAHASA MELAYU

Maklumat lengkap jawatan kosong ini boleh didapati di laman web Perbadanan Muzium Negeri Kelantan di <https://muzium.kelantan.gov.my/>

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :-

1. Pemohon hendaklah menggunakan **Borang PMNK 1 (Pin. 1/2025)** yang boleh dimuatturun di Laman Web Rasmi **Perbadanan Muzium Negeri Kelantan** di <https://muzium.kelantan.gov.my/>
2. Borang Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertai **gambar berukuran passport, salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, Sijil-Sijil Persekolahan dan Kelulusan Akademik** yang berkaitan dan telah **disahkan** daripada salinan asal.
3. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan tuan/puan tidak berjaya.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di hantar kepada :

**PENGARAH,
PERBADANAN MUZIUUM NEGERI KELANTAN,
JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU.**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 5 Jun 2025

Rujukan : MUZIUM(KN) : 8/2/Jld. I/()

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur lebih kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan yang berkelayakan dan keutamaan kepada rakyat Negeri Kelantan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :-

PENOLONG PEGAWAI TADBIR, N5 (TETAP)

Kekosongan : 1

- **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

- **Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
- ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00)
- iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
- iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00).

- **Syarat Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan) atau Pembantu

Setiausaha Pejabat Gred N1 dan Gred N2 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a); atau
ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) Had umur pelantikan :
 - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- c) **Deskripsi Tugas :**

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-undang.

PEREKA, B1 (KONTRAK)

Kekosongan : 1

- **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

- **Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka bentuk dan seni halus serta mencipta dan mempersembahkan karya-karya seni muzik, kebudayaan, tarian dan drama serta reka bentuk termasuk pembelajaran sejarah dan perkembangan kraftangan.
(Gaji Permulaan pada Gred B1 : RM1,500.00); atau
 - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji Permulaan pada Gred B1 : RM1,500.00); atau
 - iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred B1 : RM1,500.00); atau
 - iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred B1 : RM1,500.00); atau
 - v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred B1 : RM1,622.00).

- **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii),1(a)(iii),1(a)(iv),1

(a)(v) hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **Deskripsi Tugas :**

Bertanggungjawab menyediakan reka bentuk dan seni halus, mencipta dan mempersembahkan karya-karya seni muzik, kebudayaan, tarian dan drama serta reka bentuk termasuk pembelajaran sejarah dan perkembangan kraftangan.

PEMANDU KENDERAAN, H1 (KONTRAK)

Kekosongan : 2

- **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

- **Syarat Lantikan:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan
- b)
 - i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali Lesen Memandu Percubaan (P) dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- c) Bagi Skim Perkhidmatan calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **Deskripsi Tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah

kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

PEMBANTU KHIDMAT AM, H11 (KONTRAK)

Kekosongan : 2

- **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

- **Syarat Lantikan :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - a)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00);atau
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).

- **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **Deskripsi Tugas :**

Melaksanakan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas

berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

PEMBANTU KHIDMAT AM, H11 (KONTRAK)
Kekosongan : 2 (Galeri Arkeologi Dabong)

- **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

- **Syarat Lantikan :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - a)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00);atau
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).
 - b)
 - i. Keutamaan diberikan kepada penduduk di sekitar daerah berkenaan.

- **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **Deskripsi Tugas :**

Melaksanakan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

Tarikh tutup iklan : 5 Jun 2025

Rujukan : MUZIUM(KN) : 8/2/Jld, I/()